

# Qalam

Bilangan 45    April 1954    –    Rejab 1373    60 Sen

## Sosial Yang Beracun

Tidak syak lagi, terhapusnya kebudayaan sesuatu bangsa adalah disebabkan bangsa itu pada amnya tidak mempunyai ghairah terhadap hak pusakanya, adat istiadatnya, dan ajaran agamanya. Malah bangsa itu akan hilang kedudukannya sebagai suatu bangsa yang berkemuliaan dan terhormat apakala dia menurut dengan buta tuli akan adat dan tingkah-laku bangsa asing yang berlawanan dengan adat istiadat dan ajaran agamanya.

Kita bangsa Melayu, sebagai suatu bangsa timur yang mempunyai sejarah yang cemerlang, adat istiadat yang mulia serta beragama Islam yang suci, tidak sayogianya terdorong menurut dengan buta tuli akan adat dan kelakuan bangsa asing yang buruk dan berlawanan dengan adat istiadat dan ajaran agama kita.

Di antara adat dan cara hidup orang asing yang tidak sayogia ditiru ialah cara bergaul atau bersosial di antara lelaki dengan perempuan terutama di antara gadis dengan teruna yang tidak terbatas.

Pergaulan atau bersosial yang hanya didasarkan kepada hiburan dan mencari seronok dengan cara yang mencabuli adat resam Melayu dan melanggar hukum Islam, sesungguhnya berbahaya kepada keselamatan anak-anak muda sendiri dan berbahaya kepada anak-anak kita yang akan datang. Sekurang-kurangnya kalau adat bersosial yang beracun itu tumbuh dengan suburnya di dalam masyarakat kita, akan menjadi contoh yang buruk yang

akan ditauladani oleh anak-anak kita turun-temurun!

Sangat dikesalkan apabila memandang, bahawa cara hidup orang asing yang sombong dengan adat istiadat Melayu dan ajaran Islam, sedang digalakkan di antara pemuda dan pemudi kita oleh sebuah pertubuhan Singapura iaitu “Persatuan Sosial Melayu Singapura” yang telah memulakan langkah yang pertama dengan mengadakan suatu perkelahan dihadiri oleh 350 orang pemuda dan pemudi; bermandi-manda, berkenal-kenalan dengan berjabat tangan, dan bersukaria – semakan, seminum dan sepermainan dengan tidak bersegaran silu dan lepas bebas serta tidak sunyi pula daripada kelakuan “yang biadab” sebagaimana yang telah terhebah di dalam akhbar dan sedang menjadi buah mulut orang ramai pada hari ini!

Apakah hasilnya cara bersosial yang sedemikian ini kepada perjuangan bangsa Melayu? Apakah faedahnya dan kebajikannya kepada masyarakat kita yang sedang menggelisah kerana keruntuhan akhlaq dan kelakuan yang menyuluk mata?

Tenaga, masa dan wang ringgit pemuda-pemudi Melayu yang sedang dialirkan oleh “Persatuan Sosial Melayu Singapura” semata-mata kepada hiburan dan mencari Seronok, sesungguhnya mengecewakan dan merosakkan!

Perbuatan “biadab” yang telah berlaku di tengah terang pada hari perkelahan yang pertama harus akan berulang terjadinya dalam perkelahan yang akan datang yang akan diadakan lebih ramai dan lebih seronok menurut desas-desus yang sedang kedengaran.

“Persatuan Sosial Melayu Singapura” akan berjasa kepada bangsa, agama dan tanahair, kiranya pertubuhan itu menukar haluannya daripada menghamburkan tenaga dan masa anak-anak muda kita dengan hiburan yang ‘asi dan membazir itu kepada berkhidmat dengan sebenar-benarnya kepada masyarakat yang sedang

berhajatkan tenaga pemuda dan pemudinya.

Khidmat yang mulia itu, kita percaya, akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dengan cara yang tidak mencabuli adat resam Melayu dan ajaran Islam, apabila persatuan sosial itu dipecahkan kepada dua pertubuhan yang bersendirian – sebuah untuk pemuda-pemudanya dan yang sebuah lagi untuk pemudi-pemudinya, kerana kedua-dua jenis manusia – yang kasar dan lembut itu – mempunyai lapangannya yang tertentu.

Banyak perkara yang berfaedah kepada masyarakat akan dapat dilakukan oleh tiap-tiap sebuah pertubuhan tersebut menurut lapangannya masing-masing.

Dalam lapangan membasmu buta huruf misalnya, pertubuhan pemudi – menerusi pemudi-pemudinya yang terpelajar – akan berjasa besar kalau dapat mencurahkan tenaganya kepada kaum sejenisnya (perempuan) yang buta huruf. Demikian juga pertubuhan pemudanya.

Dalam lapangan kebudayaan.

Dalam lapangan persuratan.

Dalam lapangan perusahaan.

Dalam lapangan iktisad.

Apatah lagi lapangan agama dan lain-lain lapangan yang berfaedah kepada masyarakat, pemuda dan pemudi kita akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang menerusi pertubuhan masing-masing.

Semuanya ini, sesungguhnya lebih berfaedah kepada kebangkitan Melayu pada hari ini yang sedang berjuang menentukan nasibnya, dan lebih mulia serta diredhai oleh Allah dan rasul-Nya.

## AL-MARHŪM HĀSSAN AL-BANNĀ

Mengenai soal pergaulan yang kita hadapi pada hari ini memang tepat sebagaimana yang telah digambarkan oleh penganjur al-Ikhwān al-Muslimīn al-Marhūm Sheikh “Hāssan al-Bannā” di dalam tulisannya yang bertajuk “Perempuan Islam”:

“Rasanya tak payah diberi keterangan lagi sesudah keterangan yang telah dibentangkan itu, dan daripadanya dapatlah diketahui bahawa apa yang kita berada di dalamnya sekarang ini bukanlah daripada ajaran Islam. Perhatikanlah sahaja percampuran dan pergaulan yang tidak berkecuali yang sedang galak tersiar di antara kita dengan luasnya di tempat-tempat perhimpunan ramai. Perhatikanlah bagaimana pergaulan yang berlaku di tempat-tempat hiburan, perhatikanlah bagaimana tingkah laku berdedah sehingga mencapai peringkat hilang kehormatan dan biadab. Semuanya ini ialah dagangan asing – yang tidak ada sebarang perhubungan dengan Islam sehingga telah meninggalkan kesan yang seburuk-buruknya di dalam masyarakat kita.”

Oleh kerana hendak mengelakkan bahaya yang akan timbul dari percampuran yang tidak berbatas maka Islam telah melarang dengan kerasnya.

Al-Nasā’ī Ibnu Khuzaymah dan Ibnu Ḥibban telah meriwayatkan suatu hadis yang menerangkan setakat mana beratnya pergaulan yang dilarang itu. Maksud hadis itu demikian: “Mana-mana sahaja seorang perempuan yang memakai bau-bauan lalu berjalan melalui suatu kumpulan (lelaki yang bukan muhrim) dengan tujuan supaya mereka mencium bau harumnya maka ia telah berzina, dan tiap-tiap mata (yang memandang kepada yang haram itu dengan berahi) adalah berzina juga.”

Betapa hal kalau bercampur gaul dengan melanggar kesopanan tidakkah lebih berat hukumnya dan lebih merbahayanya?